29.9.2021

Siaran Media
oleh DATO' IR. JASENI MAIDINSA
CEO, PBA Holdings Bhd dan PBAPP

ANCAMAN TANAH RUNTUH: ELAK GUNA JALAN BERLIKU BERDEKATAN KOLAM AIR GUILLEMARD KETIKA HUJAN LEBAT

- **Hujan lebat berterusan menyebabkan tanah runtuh di sebahagian Jalan Lembah Permai (jalan berliku menuruni Kolam air Guillemard di Tanjong Bungah) pagi ini.**

- **Sebahagian jalan sejauh 1.5km ditutup buat sementara bagi kerja-kerja kecemasan pembersihan serpihan atas jalan. Jalan akan dibuka semula hari ini apabila kerja selesai.**

PULAU PINANG, Rabu, 29.9.2021: Hujan lebat berterusan menyebabkan tanah runtuh di sebahagian Jalan Lembah Permai, jalan berliku menuruni Kolam air Guillemard di Tanjong Bungah malam tadi.

Pada kira-kira jam 9.30 malam tadi, bahagian lereng bukit setinggi 10m hingga 9m (kira-kira 50m dari pintu masuk ke kolam air) runtuh. Serpihan berserakan di sepanjang 10m pada satu lorong jalan.

Hari ini, bahagian jalan sejauh 1.5km ditutup buat sementara untuk kerja-kerja kecemasan pembersihan jalan (dari Puncak Erskine Apartments hingga berhampiran Jalan Tan Jit Seng). Kakitangan Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) berada di lokasi.

Jalan tersebut akan dibuka semula untuk akses awam apabila kerja-kerja pembersihan jalan selesai hari ini.

Elak jalan ini ketika hujan lebat

Pengguna jalan raya dinasihatkan untuk tidak menggunakan bahagian berliku di Jalan Lembah Permai (menuruni Kolam air Guillemard) semasa musim hujan. Sebaliknya, gunakan Jalan Tanjung Bungah untuk membuat

perjalanan dengan lebih selamat antara Tanjong Bungah dan Tanjung Tokong.

Ada 3 alasan untuk mengelakkan bahagian Jalan Lembah Permai ini pada ketika ini:

1. Ini adalah bahagian jalan lereng bukit yang berliku dengan bahu jalan yang curam di kedua-dua sisi, menaiki dan menuruni bukit. Ribut besar telah menyebabkan banyak tanah runtuh di sepanjang bahagian jalan ini sebelumnya, dan akan sentiasa ada ancaman tanah runtuh selepas hujan lebat berterusan.

2. Satu lorong di bahagian jalan ini mungkin akan ditutup sekejap-sekejap dalam tempoh 3 bulan kerana PBAPP perlu melaksanakan kerja-kerja pemulihan cerun di kawasan berlakunya tanah runtuh itu.

3. PBAPP juga akan menjalankan operasi pemeriksaan cerun dan akan melaksanakan kerja-kerja pengukuhan cerun tambahan di lokasi lain di sepanjang jalan ini bagi mengelak tanah runtuh yang lain.

PBAPP memohon maaf di atas segala kesulitan yang berlaku. Kami memohon kerjasama dan timbang rasa orang awam, terutama mereka yang berulang-alik setiap hari yang tinggal di Tanjong Bungah dan Tanjung Tokong, dalam mengutamakan keselamatan awam ketika dan selepas hujan lebat.

Terima kasih.

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Unit Komunikasi Korporat
Email : syarifah@pba.com.my

PDK 1397

PBAPP